

02/04/2002

AS sokong kezaliman (HL)

Kadir Dikoh; Wan Hazmir Bakar; Magendran Rajagopal  
KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, sikap Amerika Syarikat menyokong kezaliman berterusan Israel ke atas rakyat Palestin boleh disamakan dengan tindakan keganasan.

Perdana Menteri berkata, Amerika Syarikat mahu dunia menyokongnya menentang keganasan, tetapi malangnya kuasa besar itu sendiri menyokong tindakan kerajaan Israel meneruskan serangan terhadap rakyat Palestin.

"Apabila keganasan dilakukan oleh rakan mereka, ia tidak mengapa tetapi apabila ia dilakukan oleh sesiapa yang mereka tidak suka, ia tidak boleh dibiarkan.

"Adalah sukar bagi dunia untuk bersatu memerangi keganasan, apabila ada double standard.

"Kita perlu mempunyai satu penilaian dan satu tindakan oleh seluruh dunia," katanya dalam sidang akhbar selepas menyampaikan ucapan sempena Sesi Khas Menteri-menteri Luar Pertubuhan Persidangan Islam (ICFM) Mengenai Keganasan di sini, hari ini.

Sesi khas tiga hari itu yang dihadiri wakil 52 daripada 57 anggota Persidangan Pertubuhan Islam (OIC), dipelopori Malaysia dalam usaha mencari kata sepakat dunia Islam berhubung isu keganasan.

Mesyuarat itu dijangka mengeluarkan Deklarasi Kuala Lumpur yang antara lain akan menentukan takrif keganasan, puncanya dan bentuk tindakan bersepadu bagi menangani permasalahan sejagat itu.

Sehubungan itu, Dr Mahathir juga mahu Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) mengambil inisiatif menganjurkan satu persidangan antarabangsa yang bukan saja terhad untuk negara Islam, malah masyarakat dunia, bagi menakrif keganasan secara konsensus.

Beliau menegaskan demikian ketika diminta mengulas lebih lanjut mengenai ucapannya sebelum itu yang menggesa supaya diadakan persetujuan antarabangsa bagi mengecam sesuatu kejadian atau perbuatan ganas menerusi inisiatif PBB.

Dr Mahathir berkata, seluruh masyarakat dunia harus bertindak dan bersetuju menangani keganasan dengan menakrif bentuk keganasan serta mengenal pasti penganas.

"Jika tidak, anda tidak boleh berharap semua pihak bertindak kerana masing-masing akan mempunyai takrif sendiri mengenai keganasan," katanya.

Dr Mahathir berkata Malaysia menjemput semua negara Islam menyertai sesi khas itu supaya dapat mencapai persetujuan dengan takrif keganasan dan tindakan yang perlu dilakukan.

"Perkara itu amat penting... sudah tentu akan ada perbezaan pendapat.

"Pada pandangan saya, perbezaan kecil tidak akan menghalang kita mencapai persetujuan mengenai tindakan yang perlu dilakukan".

"Negara Islam lemah tetapi jika mereka mempunyai satu suara, ia akan membawa kesan walaupun mungkin bukan kepada semua negara tetapi kepada bilangan negara yang besar," katanya.

Beliau berkata apabila ada persetujuan universal mengenai siapa penganas dan bentuk tindakan yang perlu diambil, maka Amerika Syarikat juga terpaksa mendengar pandangan negara rakannya terutama Eropah.

"Sekarang kita melihat hanya Amerika Syarikat mempunyai pandangan berbeza (mengenai keganasan)... banyak negara Eropah telah menyuarakan bantahan keras terhadap tindakan Israel di Palestin," katanya.

Dalam ucapannya, Dr Mahathir meminta masyarakat dunia mencapai persetujuan mengenai apa sebenarnya keganasan dan bertindak secara

kolektif terhadap pihak yang mencetuskannya.

"Sementara kita boleh bersetuju mengenai apa yang dikatakan sebagai tindakan ganas dan siapa yang perlu dikecam sebagai pengganas, adalah penting diadakan satu persetujuan antarabangsa untuk mengecam sesuatu insiden atau perbuatan ganas oleh pengganas,"

"Dengan itu masyarakat dunia boleh bekerjasama dan menyertai sebarang tindakan terhadap penjahat terbabit," katanya.

Dr Mahathir berkata terdapat kemarahan yang meluap di kalangan negara Islam yang menjadi mangsa serangan dan sekatan ekonomi hingga menyebabkan berlaku banyak kes kematian kerana kekurangan pelbagai sumber.

Katanya, jurang antara yang kaya dan miskin serta yang kuat dan lemah juga boleh mendorong perbuatan ganas.

"Dunia mesti membetulkan ketidakadilan ini dengan lebih serius dan bukannya sekadar bercakap mengenai nilai toleransi dan persefahaman tetapi mengabaikan kesan buruk yang berlaku.

"Bagi umat Islam, rungutan mereka berasas seperti masalah Palestin yang bermula lima dekad lalu apabila negara mereka diduduki dan mereka telah ditekan dan dizalimi.

"Kerana mereka melontar batu kepada warga Israel, mereka termasuk kanak-kanak ditembak dan dibunuh. Bagi Israel mereka sekadar bertindak balas mempertahankan diri, tapi nyawa menjadi ganti kepada perbuatan melontar batu.

"Mereka percaya dengan bertindak ganas terhadap pengganas, masalah akan selesai," katanya.

Dr Mahathir menyifatkan peristiwa 11 September itu sebagai 'bencana mutlak' bagi umat Islam seluruh dunia dan menghakis teruk imej mereka.

Sekiranya kita gagal mendorong kemarahan dunia terhadap peristiwa 11 September itu kepada kempen sebenar memerangi pengganas tanpa mengira agama yang dianuti mereka, kita akan mendapati perbuatan menghentam Islam akan terus meningkat dan perjuangan kita untuk membantu beratus juta umat Islam yang tertindas akan gagal," katanya.

Dr Mahathir juga berkata, sebarang serangan bersenjata atau bentuk serangan lain terhadap orang awam seharusnya dianggap tindakan ganas dan pihak yang melakukannya dilabel sebagai pengganas.

"Sama ada penyerangnya bertindak sendirian atau atas arahan kerajaan, dan oleh tentera atau bukan, jika yang diserang adalah orang awam, maka penyerangnya mesti dianggap sebagai pengganas," katanya.

Perdana Menteri juga berkata kumpulan atau kerajaan yang menyokong serangan terhadap orang awam mesti dianggap sebagai pengganas tanpa mengambil kira justifikasi serangan atau kemuliaan perjuangan itu.

Bagaimanapun, kata Dr Mahathir, jika orang awam menjadi mangsa secara tidak sengaja, penyerangnya tidak patut dianggap pengganas.

Beliau berkata, berdasarkan takrif keganasan ini, maka serangan 11 September, serangan berani mati penduduk Palestin dan kumpulan pemisah Tamil Tigers, serangan tentera Israel terhadap orang awam, pembunuhan umat Islam Bosnia dan sebagainya juga boleh dianggap sebagai perbuatan ganas dan yang terbabit perlu dikecam sebagai pengganas.

"Dan sesiapa yang menyokongnya mesti dianggap sebagai pengganas. Jika sebuah negara terbabit dengan perbuatan ganas, maka kerajaannya mesti dikecam," katanya. Namun, kata Dr Mahathir, sesuatu bangsa atau agama tidak patut dikecam atau menjadi mangsa diskriminasi hanya kerana ada kumpulan yang sebangsa atau seagama terbabit dengan aktiviti keganasan.

Beliau berkata usaha mesti dibuat bagi mencari jalan dan cara mencegah sesuatu kumpulan atau negara daripada melakukan keganasan termasuk dengan mengenal pasti dan menghapuskan punca kemarahan mereka.

"Saya berpendapat tidak ada orang yang mahu meletupkan dirinya untuk suka-suka. Ini perbuatan nekad, tindakan oleh mereka yang tidak nampak

jalan mengatasi penderitaan mereka. Kita tidak boleh dengan mudah menganggap mereka sebagai orang bodoh," katanya.

(END)